

## Sejarah Syariat Islam dan Perkembangannya

Di dalam keluaran ini disiarkan pula perkembangan-perkembangan syariat Islam dalam masa sahabat-sahabat kemudian disambung oleh tabiin dan diteruskan oleh *tābi'ah tābi'in*. Di dalam perkembangan ini pula dijelaskan bagaimana timbulnya ijtihad-ijtihad kepada hukum-hukum yang tidak ada di zaman Nabi apabila perkembangan hukum Islam itu mulai melebar dan meluas hingga di Kufah. Bacalah sambungannya di bawah ini:—

(3)

Keadaan ini menunjukkan adanya hubungan antara undang-undang Rom dan fikah Islami. Yang demikian kerana di dalam undang-undang Rom terdapat hukum-hukum yang sama di dalam fikah Islam yang terdapat daripada kaum fuqahā'. Dengan kerana itulah menjadikan sebab ada sebahagian penyelidik menyangka bahawa fikah Islam itu diambil dari Rom. Sangkaan ini salah dan batil. Alasannya ialah kerana mujtahidin-mujtahidin dalam golongan sahabat, tabiin dan lain-lainnya iaitu fuqahā' dalam peringkat pertama dalam Islam, dengan tidak ada kecualinya hanya mengambil dasar-dasar, jiwa dan 'illah-illah hukum semata-mata dari hukum-hukum agama Islam daripada punca-punca Qur'an dan hadith yang sahih. Mereka belum pernah mengambil daripada punca-punca yang lain. Mereka mempunyai pegangan yang kukuh dan kekal bahawa segala hukum yang diturunkan oleh Allah Ta'ālā itu tetap sesuai untuk setiap tempat dan zaman.

Di antara hukum-hukum Tuhan yang akan sesuai dan baik bagi semua tempat dan masa itu yang dirumuskan dengan nas yang *ṣarīh*, ada pula kaedah-kaedah umum yang dapat disesuaikan mengikut keadaan masa dan keadaan masyarakat. Sebaliknya ulama, fuqahā' dan lain-lainnya itu mempunyai suatu pegangan, suatu kepercayaan yang kekal, bahawa seseorang Muslim tidak harus mengambil hukum dari luar agama Islam yang akan dimasukkan di dalam syariatnya yang dipandang sebagai syariat Islam. Dengan lain

perkataan di dalam apa-apa hal pun agama Islam hendaklah dapat memberikan ketentuan hukuman menurut dasar Islam itu sendiri. Hukum cangkuk tidak ada di dalam Islam demikianlah keadaannya.

Orang-orang Islam dari golongan Arab Hijaz berniaga ke Syria. Mereka mempunyai hubungan perniagaan dengan penduduk-penduduk Syria. Oleh yang demikian dengan tetapnya sebahagian daripada adat istiadat oleh Syria dihijrahkan mereka ke Hijaz, kalau tidak banyak sedikit pun tentu ada di dalam hal ehwal kewangan dan peraturan perniagaan dan sebagainya. Adat istiadat dan peraturan perniagaan orang Syria itu sudah tentu dipengaruhi oleh undang-undang orang Rom.

Tatkala agama Islam datang ke Hijaz dan sekitarnya, ia mendapati peraturan perniagaan dan lain-lainnya yang datang dari Syria tetapi telah berurat berakar di Hijaz. Peraturan itu ada yang baik dan ada yang tidak baik. Yang baik diakui dan digunakan dengan perubahan-perubahan tambahan atau dikurangkan.

Di antara negeri-negeri baru yang didatangi oleh sahabat-sahabat, yang ulama dan fuqahā' pusatnya terutamanya di Madinah, Mekah, Kufah, Basrah, Syria dan Mesir. Di daerah inilah sahabat-sahabat yang ahli ilmu itu bertugas dan negeri-negeri ini pun telah menjadi pusat pengetahuan dan kebudayaan Islam untuk kemudian hari.

Di Madinah didapati sahabat-sahabat Nabi yang termasuk ulama besar seperti ‘Umar bin al-Khaṭṭāb, ‘Alī bin Abū Ṭālib, ‘Abd Allāh bin Mas‘ūd, Zayd bin Thābit, ‘Abd Allāh bin ‘Abbās, ‘Abd Allāh bin ‘Umar dan lain-lain lagi. Di antara yang menjadi punca ilmu yang besar jasanya, banyak murid dan sahabatnya, ialah ‘Abd Allāh bin ‘Umar bin al-Khaṭṭāb dan Zayd bin Thābit.

‘Abd Allāh bin ‘Umar ini terkenal seorang yang warak, takwa kepada Allah, dipercayai orang dalam segala riwayatnya, sangat berhati-hati memperkatakan setiap lafaz yang dikatakan berasal dari Rasulullah (S.A.W), sangat memelihara apa jua yang didengarnya disebutkan orang daripada Nabi (S.A.W). Tetapi kerana waraknya yang bersangatan itu serta takutnya kepada Allah *Subhānahu wa Ta‘ālā* membawanya tidak banyak mengeluarkan fatwa, dan berasa berat memberikan pendapatnya sekalipun ia sendiri banyak mengetahui hadith-hadith Nabi (S.A.W).

Zayd bin Thābit pula seorang yang luas ilmu pengetahuannya berkesanggupan mengambil ketentuan sesuatu hukum dari Qur’an dan sunnah. ‘Umar dan ‘Uthmān bin ‘Affān tidak pernah mendulukan selain dari Zayd bin Thābit dalam memutuskan sesuatu perkara dan hukum berkenaan dengan faraid dan bacaan al-Qur’ān.

Qubayshah berkata: “Zayd bin Thābit di Madinah mengetuai mahkamah, fatwa dan bacaan al-Qur’ān pada masa Saiyidina ‘Umar bin al-Khaṭṭāb, ‘Uthmān bin ‘Affān dan ‘Alī bin Abū Ṭālib semasa mereka berada di Madinah. Lima tahun sesudah itu, pada masa Mu‘āwiyah memegang kekuasaan pada tahun 40H. dan begitu juga sesudah tahun 40H. sehingga ia meninggal pada tahun 45H. Kalau Zayd bin Thābit naik kenderaan, Ibn ‘Abbās sendiri yang memegang tali rasnya sambil berkata: “Demikianlah yang seharusnya dibuat kepada ulama dan orang besar’.”

Demikianlah perkembangan fikah Islam sampai kepada akhir masa sahabat-sahabat; dan kemudian daripada saat ini

timbullah perkembangan syariat Islam di dalam zaman tabiin. Yang dikehendaki dalam tabiin ialah orang-orang yang mengikut sahabat. Mereka tidak bertemu dan belajar dengan Rasulullah (S.A.W) walau sebentar pun. Mereka hanya bertemu dengan sahabat-sahabat Nabi dan belajar dengan mereka.

Orang-orang yang terkemudian daripada tabiin disebut *tābi‘ah tābi‘īn* yang ertinya pengikut-pengikut kepada tabiin. Mereka tidak bertemu atau belajar kepada sahabat-sahabat Nabi dan mereka hanya belajar kepada murid-murid sahabat yang disebut tabiin itu.

Sahabat, tabiin dan *tābi‘ah tābi‘īn* ialah batas golongan yang disebut ulama salaf dan yang kemudian daripada mereka disebut ulama khalaf; istilah inilah yang dipakai dalam sejarah syariat Islam.

Setelah sahabat-sahabat meninggal dunia, pimpinan hukum fikah Islam, yang merupakan induk segala pengetahuan Islam masa itu dipegang oleh tabiin. Di antara mereka yang sangat terkenal: Sa‘īd bin al-Musayyib, ‘Urwah bin Zubayr, al-Qāsim bin Muḥammad, Sulaymān bin Yasar, Kharījah bin Sa‘īd, ‘Ubayd Allāh bin ‘Abd Allāh bin ‘Utbah bin Mas‘ūd dan Abū Bakr bin ‘Abd al-Raḥman bin Ḥārith bin Hishām.

Di antaranya yang masyhur sekali ialah Sa‘īd bin al-Musayyib. Ia sangat mengetahui tatkala keputusan yang telah diputuskan oleh Rasulullah (S.A.W) dan keputusan-keputusan yang telah pernah dilakukan oleh Abū Bakr, ‘Umar, ‘Uthmān dan Zayd bin Thābit di atas perkara-perkara yang nasnya tidak didapati di dalam al-Qur’ān dan hadith.

Nama-nama yang tersebut di atas sangat perlu diketahui kerana semakin banyak kita mengikuti sejarah syariat Islam semakin banyak pula kita bertemu dengan mereka yang memberikan kesan-kesan kepada kita seumpama pendapat-pendapat sarjana-sarjana besar di dalam bahagiannya. Pada zaman mereka tidak membukukan pengetahuan yang diketahui mereka sebab pada masa itu belum dipandang pentingnya, dan masih banyak pula orang yang mengetahui hukum Islam dari puncanya

yang pertama, dan belum banyak pula perselisihan ikhtilaf (pendapat).

Di antara ulama-ulama yang mengambil pelajaran daripada imam-imam tabiin di atas terdapat dua nama besar iaitu Abū Bakr Muḥammad bin ‘Amrū bin Ḥazm dan Muḥammad bin Shihāb al-Zuhrī. Keduanya *tābi ‘ah tābi ‘in* dan keduanya adalah pertama sekali membukukan ilmu-ilmu agama Islam setelah lebih dahulu mereka menghafal segala ilmu fikah yang diketahui oleh ulama-ulama yang ada di Madinah itu. Muḥammad bin Nūḥ ialah salah seorang yang telah mengumpulkan sekalian fatwa yang diberikan oleh kedua-dua *tābi ‘ah tābi ‘in* itu. Mereka membuat dalam tiga buah kitab dan semuanya mengenai ilmu fikah.

Dari tengah ulama besar inilah lahirnya Imam Mālik bin Anas yang terkenal dengan nama mazhab Mālikī.

Di negeri Mekah sendiri telah dikuasai oleh Rasulullah pada tahun 8H., Rasulullah menetapkan Mu‘ādh bin Jabal untuk menjadi guru bagi mengajar mana yang halal dan mana yang haram di samping tugasnya mengajar al-Qur’ān. Oleh sebab itu di dalam ilmu fikah dan fatwa kedudukannya beliau sebagai pertengahan sahaja tetapi kelebihanannya terletak pada qari-qarinya membaca kitab Allah. Sungguhpun begitu beberapa orang sahabat yang terkemuka seperti ‘Umar, ‘Abd Allāh bin ‘Abbās, ‘Abd Allāh bin ‘Umar ada juga mengambil hukum daripada beliau. Mu‘ādh bin Jabal selain daripada tugasnya di Mekah dihantar pula ke Yaman oleh Rasulullah sebagai guru dan kadi.

Setelah Saiyidina Abū Bakr menjadi Khalifah, Mu‘ādh pindah ke Syria dan mengajar serta berfatwa di sana. Ketika ia keluar berperang ke Syria kerana sesuatu keperluan yang mendesak Saiyidina ‘Umar mengucapkan kata, “Madinah menjadi kosong dengan ilmu fikah dan guru.”

Pada saat yang terakhir dalam hidupnya ‘Abd Allāh bin ‘Abbās telah pindah ke Mekah mengajar tafsir, hadith dan fikah di Masjidil Haram. Pengetahuannya tentang sunnah Nabi, tafsir dan hadith serta fikah sangat luas sehingga

beliau disebut lautan ilmu. Abū Bakr Muḥammad bin Mūsā kemudiannya menghimpunkan segala fatwa Ibn ‘Abbās itu meliputi dua puluh buah kitab.

Dari ‘Abd Allāh bin ‘Abbās dan sahabat-sahabatnya inilah berkembangnya ilmu fikah dengan secara luas di Mekah tempat lahirnya Islam itu. *Raḍīya Allāhu ‘anhu* ini sangat masyhur sehingga dari mana-mana orang datang bertanya dan belajar yang di antaranya orang yang terkemuka belajar itu didapati ‘Aṭā’ bin Rabāḥ ahli fikah di Mekah dan Ṭāwus dan Kaysān<sup>1</sup> yang menjadi ahli fikah Yaman kemudiannya.

Di bawah tingkatan ini hanya ada terkenal seorang iaitu Abū Zubayr al-Makkī. Kemudian menyusul tingkatan keempat di antaranya ‘Abd al-Mālik bin ‘Abd al-‘Azīz bin Jurāj<sup>2</sup>, dan Sufyān bin Ujajnah<sup>3</sup>. Kemudian daripada ini timbul tingkatan yang kelima di antaranya yang terkenal benar ialah Muslim bin Khālid al-Zanjī, guru Imam Shāfi‘ī dan Ibn Ujajnah.

\* \* \*

Setelah kaum Muslimin menjadikan bandar-bandar baharu, di antaranya bandar Kufah, banyaklah kaum Muslimin berpindah ke sana dan di antaranya banyaklah ahli-ahli ilmu dari kalangan sahabat Nabi di antaranya ‘Alī bin Abū Ṭālib dan ‘Abd Allāh bin Mas‘ūd. ‘Alī bin Abū Ṭālib sebagai Khalifah masanya banyak diberikannya untuk negara dan untuk memulihkan keamanan dan perkembangan Islam. Ibn Mas‘ūd pula dikirimnya Saiyidina ‘Umar ke Kufah bagi menjadi guru dan amir di sana. ‘Umar berpesan kepada penduduk Kufah: “Saya hantarkan ‘Abd Allāh bin Mas‘ūd menjadi *mu‘allim* dan amir, padahal saya lebih sayang kepadanya daripada sayang saya kepada saudara. Oleh yang demikian terimalah dan belajarlah kepadanya.”

Setelah ‘Abd Allāh bin Mansūr sampai ke Kufah, kerja yang pertama dilakukannya ialah mendirikan rumah berhampiran dengan Masjid Kufah. Di situlah beliau menjadi guru dan memerintah. Saiyidina ‘Umar sendiri kerap kali bertanya

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah Ṭāwus ibn Kaysān.

<sup>2</sup> Perkataan sebenar ialah Jurayj.

<sup>3</sup> Juga disebut sebagai Uyaynah.

kepadanya dalam soal-soal fikah yang sulit-sulit dan lain-lain perkara-perkara yang berat. Demikian itulah salah satu daripada dapur pengetahuan setelah berpindah dari Mekah ke Kufah.

Selain daripada mengajar al-Qur’ān dan sunnah Nabi Ibn Mas’ūd kerap juga berjihad dengan pendapatnya sendiri dalam perkara-perkara yang tidak ada sama sekali nas-nasnya atau misal-misalnya dalam al-Qur’ān atau dalam perkara-perkara yang diamalkan oleh Abū Bakr dan ‘Umar. Yang demikian terjadi kerana Kufah dahulunya dikuasai oleh masyarakat Roman Timur dan Raja Parsi yang menjadikan suatu tradisi hidup yang tidak dikenal di Mekah. Hal-hal yang demikian itu ada mengenai tatanegara, ada mengenai hukum seperti dalam soal perniagaan dan sebagainya. Banyak berlaku soal-soal yang payah dan sulit. Untuk menjaga kedudukan pemerintahan umat Islam dan agama, ‘Abd Allāh bin Mas’ūd menggunakan ijtihadnya mengurus sesuatu dengan cepat dan tepat kerana kekosongan itu sangat membahayakan bagi pemerintah dan masyarakat Islam yang sedang mengkagumkan sekalian manusia. Kebiasaan-kebiasaan baharu itu tidak habis pada masa ‘Abd Allāh bin Mas’ūd tetapi hingga sampai kepada murid-muridnya. Murid-muridnya menghadapi ini terpaksa pula berjihad seperti yang dilakukan oleh ‘Abd Allāh bin Mas’ūd. Dari pusat pemerintahan di Madinah tidak ada pula sanggahan dalam hal ini sebab sekalian orang mengerti duduknya perkara yang sebenarnya.

Menurut pendapat ahli-ahlinya selain daripada perkara yang tersebut di atas ada lagi perkara lain yang menyebabkan perkembangan ijtihad dengan fikiran itu di Kufah yang dimulai ‘Abd Allāh bin Mas’ūd iaitu kurangnya tersiar pengetahuan-pengetahuan tentang hadith Rasulullah di sana. Perkara ini menjadikan seorang ahli sejarah yang besar, Ibn Khaldūn, memberi kesimpulan dengan katanya: “Kalau hadith di Hijaz dan kalau ijtihad di Iraq.” – di dalam mana Kufah termasuk di dalamnya.

(Bersambung)

#### BUKU2 RUMI:

##### a. Siri Buku2 Bacaan Sekolah Rendah:

1. Tunas Baru (ABC) Abd Rahman H. Said	\$1.50
2. Tunas Baru I	\$1.50
3. Tunas Baru I, III, IV.	\$1.50
4. Senang Bacha I dan II, Hassan Basri	\$0.80

##### b. Buku2 Bacaan Tambahan untuk Sekolah Rendah:

1. Kuching Hitam oleh A. H. Edrus	\$0.30 sen
2. Peristewa Hari Sabtu	30 sen
3. Nabi Sulaiman dengan Semut	30 sen
4. Lutong Sakti I dan II	30 sen
5. Karun Dengan Harta-nya	35 sen
6. Pekebuan yang Tama’	35 sen
7. Lembu Chantek	35 sen
8. Kesah Minangkabau	40 sen
9. Sutan Balun	40 sen
10. Puteri Balqis	45 sen
11. Pendudok Gua	50 sen
12. Sebab Harimau	50 sen
13. Cherita Burong Hantu	75 sen
14. Nakhoda Dengan Datok Perpatih	30 sen
15. Si-Buta	40 sen
16. Mimpi	35 sen
17. Si-Pengail	45 sen
18. Sulaiman Nujum	50 sen
19. Raja Ikan	50 sen
20. Mangga Hikmat	75 sen
21. Angsa dan Burong Merak	45 sen
22. Abu Hassan Ganjil	\$1.00 sen
23. Ayam dan Musang	35 sen
24. Raja Bersiong (A. Ghani Abbas)	45 sen
25. Lang Dengan Ayam (Ira Mara)	30 sen
26. Ikan Puyu	40 sen
27. Semut Membalas Budi	35 sen
28. Katak Yang Hina	40 sen
29. Bangau Dengan Singa	35 sen
30. Badak Dengan Seladang	40 sen
31. Si-Amang Dengan Kaksasa	35 sen
32. Kijang Yang Cherdek	40 sen
33. Pertengkaran Bangau dengan Belibis	35 sen
34. Buaya dengan Landak	35 sen

Pesan kepada:—

QALAM

356/8 Geylang Road,

Singapura, 14.